

25/10/1998

Pemerhati asing diminta rujuk hakim

KUALA LUMPUR: Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, berkata pemerhati asing dari luar negara yang mahu mengikuti kes suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, boleh membuat permohonan kepada hakim yang mengendalikan kes itu.

Beliau merujuk kes rayuan Lim Guan Eng di Mahkamah Persekutuan yang mahkamah membenarkan pemerhati asing iaitu Amnesty International and the International Commission of Jurists, selepas menerima permohonan peguam Lim, Karpal Singh.

"Saya difahamkan sebarang pertubuhan luar negara yang mahu bertindak sebagai pemerhati boleh memohon kepada hakim yang mendengar kes berkenaan dan bukan pihak kerajaan membuat keputusan.

"Malaysia sepatutnya menunjuk kepada dunia bahawa perundangan kita adalah bebas.

"Sebelum ini pun, ada pemerhati asing yang dibenarkan mahkamah untuk mengikuti sesuatu kes," katanya selepas mendengar kes habeas corpus terhadap Anwar di Mahkamah Tinggi di sini, semalam.

Dr Wan Azizah mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa orang luar boleh datang menyaksikan perbicaraan Anwar tetapi tidak boleh mengharapkan layanan istimewa, walaupun sebagai pemerhati.

Pada 21 Oktober lalu, Perdana Menteri memberitahu wartawan perbicaraan kes Anwar adalah terbuka dan mereka bebas mengikuti perjalanan kes itu tanpa perlu mendapatkan status sebagai pemerhati.

(END)